



Rujukan Kami :KP(BB)100-4/2/9 (2)

Tarikh : 30 Ogos 2007

- Semua Ketua Jabatan / Bahagian
- Semua Pengarah Pelajaran Negeri
- Semua Pegawai Pelajaran Gabungan / Daerah
- Semua Pengetua / Guru Besar
- Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru
- Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING BIASISWA BIL. 1 TAHUN 2007 – PENJELASAN MENGENAI BANTUAN SARA HIDUP PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 28 TAHUN 2005 DAN BIL. 6 TAHUN 2007 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YANG DILULUSKAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung pembayaran Bantuan Sara Hidup (COLA) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG).

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Berdasarkan pelaksanaan sedia ada semua PPP yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

akan diletakkan ke jawatan latihan di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia. Semua pembayaran emolumen menggunakan peruntukan Bahagian Biasiswa. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut diagihkan ke Jabatan Pelajaran Negeri / Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan. Salah satu pekeliling yang berkaitan dengan PPP yang diluluskan Cuti Belajar ialah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 dan Bil. 6 Tahun 2007, Bantuan Sara Hidup.

2.2. Walau bagaimanapun, didapati berlaku ketidakseragaman dalam melaksanakan pembayaran kepada PPP yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh dan Cuti Belajar Separuh Gaji. Di antara ketidakseragaman yang berlaku adalah seperti berikut :-

2.2.1. Pembayaran dibuat berdasarkan tempat bertugas sebelum Cuti Belajar dan bukannya tempat pengajian pegawai semasa Cuti Belajar.

2.2.2. Pegawai dari Sabah / Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia tidak layak dibayar Bayaran Insentif Wilayah sepanjang tempoh Cuti Belajar. Pegawai juga tidak dibayar Bantuan Sara Hidup bagi tempoh Cuti Belajar.

2.3. Sehubungan dengan itu, bagi menjaga kebajikan PPP yang diluluskan cuti belajar, perkara ini telah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat rujukan KP(BB)700-1/4( ) bertarikh 29 Disember 2006 dan telah dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat rujukan JPA(S)63/57/2 Klt.7(11) bertarikh 20 Mac 2007.

**3. PENJELASAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 28 TAHUN 2005 DAN BIL. 6 TAHUN 2007**

- 3.1. Berdasarkan *Perkara 3(c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005* menjelaskan : “*pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :-*  
*(c) pegawai yang diluluskan Cuti Belajar di dalam negeri.*”

Huraian :-

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) di IPTA tempatan sepanjang tempoh pengajian layak dibayar Bantuan Sara Hidup berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 dan Bil. 6 Tahun 2007.

- 3.2. Manakala *Perkara 3, Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2007* pula menjelaskan pegawai yang layak dibayar Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :-  
*3(e) diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam Negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian.*

Huraian:-

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) di dalam negeri layak dibayar Bantuan Sara Hidup (kadar penuh) sepanjang tempoh pengajian mengikut lokasi institusi pengajian, manakala PPP yang diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) untuk mengikuti pengajian di dalam Negara layak dibayar Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

- 3.3. Berdasarkan *Perkara 4(c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005* menjelaskan “ *pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :-*  
*(c) pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah.*”

Huraian :-

Memandangkan dalam tempoh Cuti Belajar pegawai tidak layak dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW), maka Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) yang dibayar BIW sebelum itu, adalah layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut kadar di Jadual 1. Walau bagaimanapun, setelah tamat tempoh Cuti Belajar pegawai layak dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW) tetapi kelayakan Bantuan Sara Hidup adalah gugur secara automatik apabila pegawai kembali menjalankan tugas hakiki di Jabatan / Bahagian / institusi pendidikan.

#### **4. PELAKSANAAN**

- 4.1. Pada masa ini terdapat beberapa kategori struktur pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi PPPLD yang diluluskan CBSG. Bagi Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), tahun pertama pengajian dijalankan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan tahun berikutnya dijalankan di IPTA. Manakala bagi Program Saluran Kedua / UPU dan Program Pensiswazahan Guru Besar (Mod Sepenuh Masa) pengajian dijalankan di IPTA sepanjang tempoh CBSG.
- 4.2. Kadar Bantuan Sara Hidup PPP yang diluluskan CBBP dan CBSG adalah seperti di Jadual 1. Oleh kerana terdapat beberapa struktur pengajian, kaedah pengiraan adalah berdasarkan kadar lokasi pengajian sama ada di IPG atau IPTA seperti berikut :-
  - 4.2.1. Mod pengajian yang melibatkan satu institusi pengajian sepanjang tempoh pengajian (contoh Program Saluran Kedua /UPU dan Program Pensiswazahan Guru Besar (Mod Sepenuh

Masa). Kadar Bantuan Sara Hidup adalah seperti di **Lampiran A1 dan A2**.

4.2.2. Mod pengajian yang melibatkan lebih daripada satu institusi pengajian sepanjang tempoh pengajian [contoh Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG)], kadar Bantuan Sara Hidup adalah mengikut kadar IPG bagi tahun pertama pengajian manakala kadar berikutnya adalah berdasarkan kadar IPTA seperti **Lampiran B1 dan B2, A1 dan A2**.

**Jadual 1 : Kadar Bayaran Bantuan Sara Hidup Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005**

Kawasan	Kadar Sebulan	
	CBBP (RM)	CBSG (RM)
Kawasan A	150.00	75.00
Kawasan B	100.00	50.00
Kawasan-kawasan lain	50.00	25.00

**5. PERUBAHAN KADAR BARU BANTUAN SARA HIDUP BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 2007**

5.1. Perbandingan kadar Bantuan Sara Hidup bagi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007 dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 adalah seperti Jadual 2 di bawah :-

**Jadual 2**

Kawasan	Kadar lama (PP Bil. 28 Tahun 2005) Tarikh kuatkuasa : 1/1/2006 – 30/6/2007 (RM)	Kadar Baru (PP Bil. 6 Tahun 2007) Tarikh kuatkuasa : 1/7/2007 dan seterusnya (RM)
Kawasan A	150.00	300.00
Kawasan B	100.00	200.00
Kawasan-kawasan lain	50.00	100.00

Pembayaran hendaklah dibuat secara proportionate dalam keadaan di mana perkhidmatan / penempatan pegawai tidak genap satu bulan, selaras dengan perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007.

**6. PERUNTUKAN KEWANGAN DAN LAPORAN PERBELANJAAN**

6.1. Bayaran Bantuan Sara Hidup bagi PPP yang diluluskan CBBP dan CBSG hendaklah dicaj kepada vot jawatan latihan Bahagian Biasiswa di bawah peruntukan **OS 12199** bagi bayaran melalui baucer manakala bayaran melalui "*payroll*" hendaklah menggunakan kod elaun **1362**.

**7. KAEDAH PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP BAGI TEMPOH SEMESTER PENDEK / SEMESTER KHAS**

7.1. Bagi pegawai-pegawai yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), terdapat beberapa IPTA yang menawarkan semester pendek / semester khas semasa cuti semester tahun pertama ke tahun kedua (peralihan dari IPG ke IPTA) berlangsung. Tujuan semester pendek diadakan adalah untuk membantu mempercepatkan proses pengajian dalam tempoh kelulusan Cuti Belajar Separuh Gaji.

7.2. Dari segi kaedah pelaksanaan bayaran Bantuan Sara Hidup, pegawai boleh dibayar mengikut kadar lokasi pengajian di IPTA seperti di Lampiran A bermula dari tarikh semester khas / pendek bermula. Surat pengesahan daripada IPTA berhubung tarikh pengesahan pegawai perlu berada di IPTA untuk menjalani pengajian perlu dikemukakan sebagai dokumen sokongan bagi tujuan pembayaran.

## 8. TARIKH KUATKUASA

- 8.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2006** selaras dengan kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 dan dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 8.2. Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Gabungan / Pejabat Pelajaran Daerah / sekolah yang terlibat dengan pegawai-pegawai yang diluluskan CBBP / CBSG diminta melaksanakan pembayaran Bantuan Sara Hidup kepada PPP yang diluluskan CBBP/CBSG berpandukan pekeling ini.

## 9. PEMAKAIAN

- 9.1. Pekeliling ini adalah terpakai kepada PPP yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh dan Cuti Belajar Separuh Gaji.
- 9.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan pembayaran Bantuan Sara Hidup kepada PPP yang diluluskan CBBP dan CBSG.
- 9.3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007 boleh dimuat turun (down load) melalui laman web JPA : [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

10. Sebarang pertanyaan berhubung dengan pekeliling ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti di bawah :-

10.1.1. Puan Norazian bt. Salleh  
No. tel : 03-88847040  
e-mail : [norazians@bb.moe.gov.my](mailto:norazians@bb.moe.gov.my)

10.1.2. Cik Nor Azimah binti Abas  
No. tel : 03-88847184  
e-mail : [zimah@bb.moe.gov.my](mailto:zimah@bb.moe.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,

  
( **ROGAYAH BT A. BAKAR** )  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Biasiswa  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

No. Tel : 03-88847071

No. Faks : 03-88886293

e-mail : [sub@bb.moe.gov.my](mailto:sub@bb.moe.gov.my)

s.k.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**KADAR BAYARAN SARA HIDUP MENGIKUT IPTA**  
**(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005)**  
**(Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2007)**

Bil	IPTA	Kawasan /Kadar	Kelayakan sebulan	
			CBBP	CBSG
1.	Universiti Malaya	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
3.	Universiti Teknologi MARA	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
4.	Universiti Putra Malaysia	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
5.	Universiti Teknologi Malaysia	Kawasan B / RM 100.00	RM 100.00	RM 50.00
6.	Universiti Islam Antarabangsa	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
7.	Universiti Sains Malaysia	Kawasan A / RM 150.00	RM 150.00	RM 75.00
8.	Universiti Utara Malaysia	Kawasan lain / RM 50.00	RM 50.00	RM 25.00
9.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Kawasan lain / RM 50.00	RM 50.00	RM 25.00
10.	Universiti Malaysia Sabah	Kawasan lain / RM 50.00	RM 50.00	RM 25.00
11.	Universiti Malaysia Sarawak	Kawasan lain / RM 50.00	RM 50.00	RM 25.00

**Nota :-**

CBBP - Cuti Belajar Bergaji Penuh  
 CBSG - Cuti Belajar Separuh Gaji

**KADAR BAYARAN SARA HIDUP MENGIKUT IPTA  
(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007)  
(Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2007 dan seterusnya)**

Bil	IPTA	Kawasan /Kadar	Kelayakan sebulan	
			CBBP	CBSG
1.	Universiti Malaya	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
3.	Universiti Teknologi MARA	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
4.	Universiti Putra Malaysia	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
5.	Universiti Teknologi Malaysia	Kawasan B / RM 200.00	RM 200.00	RM 100.00
6.	Universiti Islam Antarabangsa	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
7.	Universiti Sains Malaysia	Kawasan A / RM 300.00	RM 300.00	RM 150.00
8.	Universiti Utara Malaysia	Kawasan lain / RM 100.00	RM 100.00	RM 50.00
9.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Kawasan lain / RM 100.00	RM 100.00	RM 50.00
10.	Universiti Malaysia Sabah	Kawasan lain / RM 100.00	RM 100.00	RM 50.00
11.	Universiti Malaysia Sarawak	Kawasan lain / RM 100.00	RM 100.00	RM 50.00

**Nota :-**

CBBP - Cuti Belajar Bergaji Penuh  
CBSG - Cuti Belajar Separuh Gaji

**KADAR BAYARAN SARA HIDUP MENGIKUT IPG**  
**(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005)**  
**(Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2007)**

<b>Bil</b>	<b>IPG</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Kelayakan sebulan CBSG</b>
1.	IP Persekutuan Pulau Pinang, Bkt. Combee, P.Pinang	Kawasan A	RM 75.00
2.	IP Ilmu Khas, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 75.00
3.	IP Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor	Kawasan A	RM 75.00
4.	IP Teknik, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 75.00
5.	IP Bahasa-bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 75.00
6.	IP Tuanku Bainun Seberang Perai, P. Pinang	Kawasan A	RM 75.00
7.	IP Islam, Bangi Selangor	Kawasan A	RM 75.00
8.	IP Melayu Melaka, Melaka	Kawasan B	RM 50.00
9.	IP Ipoh, Hulu Kinta, Perak	Kawasan B	RM 50.00
10.	IP Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor	Kawasan B	RM 50.00
11.	IP Kota Bharu, Kelantan	Kawasan B	RM 50.00
12.	IP Kuala Terengganu, Batu Rakit, Terengganu	Kawasan B	RM 50.00
13.	IP Perlis, Kangar Perlis	Kawasan B	RM 50.00
14.	IP Gaya, Kota Kinabalu Sabah	Kawasan lain	RM 25.00
15.	IP Batu Lintang, Kuching Sarawak	Kawasan lain	RM 25.00
16.	IP Tun Abd. Razak, Kota Samarahan, Sarawak	Kawasan lain	RM 25.00
17.	IP Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis, Pahang	Kawasan lain	RM 25.00
18.	IP Darul Aman, Bandar Baru, Jitra, Kedah	Kawasan lain	RM 25.00

**Nota :-**

CBSG - Cuti Belajar Separuh Gaji

**KADAR BAYARAN SARA HIDUP MENGIKUT IPG**  
**(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2007)**  
**(Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2007 dan seterusnya)**

<b>Bil</b>	<b>IPG</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Kelayakan sebulan CBSG</b>
1.	IP Persekutuan Pulau Pinang, Bkt. Combee, P.Pinang	Kawasan A	RM 150.00
2.	IP Ilmu Khas, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 150.00
3.	IP Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor	Kawasan A	RM 150.00
4.	IPTeknik, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 150.00
5.	IP Bahasa-bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur	Kawasan A	RM 150.00
6.	IP Tuanku Bainun Seberang Perai, P. Pinang	Kawasan A	RM 150.00
7.	IP Islam, Bangi Selangor	Kawasan A	RM 150.00
8.	IP Melayu Melaka, Melaka	Kawasan B	RM 100.00
9.	IP Ipoh, Hulu Kinta, Perak	Kawasan B	RM 100.00
10.	IP Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor	Kawasan B	RM 100.00
11.	IP Kota Bharu, Kelantan	Kawasan B	RM 100.00
12.	IP Kuala Terengganu, Batu Rakit, Terengganu	Kawasan B	RM 100.00
13.	IP Perlis, Kangar Perlis	Kawasan B	RM 100.00
14.	IP Gaya, Kota Kinabalu Sabah	Kawasan lain	RM 50.00
15.	IP Batu Lintang, Kuching Sarawak	Kawasan lain	RM 50.00
16.	IP Tun Abd. Razak, Kota Samarahan, Sarawak	Kawasan lain	RM 50.00
17.	IP Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis, Pahang	Kawasan lain	RM 50.00
18.	IP Darul Aman, Bandar Baru, Jitra, Kedah	Kawasan lain	RM 50.00

**Nota :-**

CBSG - Cuti Belajar Separuh Gaji

**CONTOH PENGIRAAN BANTUAN SARA HIDUP  
(PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 28 TAHUN 2005 DAN  
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 2007)  
BAGI PPP YANG DILULUSKAN CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI  
DI BAWAH PROGRAM KHAS PENSISWAZAHAN GURU (PKPG)**

Kes 1 :

Pegawai A telah diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji mulai 1.7.2006 hingga 30.6.2009 (36 bulan) bagi mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Selangor. Bagi tahun pertama, pegawai akan mengikuti pengajian di Institut Perguruan Kuala Terengganu (IPKT), Batu Rakit Kuala Terengganu manakala tahun 2 dan 3 pegawai akan mengikuti pengajian di UPM.

Kaedah pengiraan bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :-

Peringkat 1 : (Tahun 1 di IPKT)

Mulai 1.7.2006 hingga 30.6.2007 - kadar separuh kawasan B (\*)  
= RM100.00 x  $\frac{1}{2}$   
= RM 50.00 sebulan

Peringkat 2 : (Tahun 2 dan 3 di UPM)

Mulai 1.7.2007 hingga 30.6.2009 - kadar kawasan A (\*\*)  
= RM 300.00 x  $\frac{1}{2}$   
= RM 150.00 sebulan

*Catatan :*

(\*) Rujuk Lampiran B

(\*\*) Rujuk Lampiran A

Kes 2 :

Pegawai B telah diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji mulai 1.7.2006 hingga 30.6.2008 (36 bulan) bagi mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas (IPIK) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bagi tahun pertama pegawai akan mengikuti pengajian di IP Ilmu Khas Kuala Lumpur manakala tahun 2 dan 3, pegawai akan mengikuti pengajian di UKM Bangi, Selangor.

Kaedah pengiraan bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :-

Peringkat 1 : (Tahun 1 di IPIK)

Mulai 1.7.2006 hingga 30.6.2007 - kadar separuh kawasan A (\*)  
RM150.00 x  $\frac{1}{2}$   
= RM 75.00 sebulan

Peringkat 2 : (Tahun 2 dan 3 di UKM)

Mulai 1.7.2007 hingga 30.6.2009 - kadar kawasan A (\*\*)  
RM 300.00 x  $\frac{1}{2}$   
= RM 150.00 sebulan

*Catatan :*

(\*) *Rujuk Lampiran B*

(\*\*) *Rujuk Lampiran A*

**CONTOH PENGIRAAN BANTUAN SARA HIDUP  
(PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 28 TAHUN 2005 DAN  
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 2007)  
BAGI PPP YANG DILULUSKAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DAN  
CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI**

Kes 1

Pegawai A bertugas di Seremban, Negeri Sembilan (kawasan B) dan diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) mulai 16.7.2006 hingga 15.7.2008 bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Ekonomi di UM, Kuala Lumpur. Pegawai diarah melapor diri di Pejabat Pelajaran Daerah Seremban pada 16.7.2008.

Kaedah pengiraan BSH adalah seperti berikut :-

- |       |                                 |   |  |
|-------|---------------------------------|---|--|
| (i)   | Mulai 1.7.2006 hingga 31.7.2006 | = | Kadar penuh kawasan B<br>RM100.00 sebulan  |
| (ii)  | Mulai 1.8.2006 hingga 30.6.2007 | = | Kadar penuh kawasan A<br>RM150.00 sebulan  |
| (iii) | Mulai 1.7.2007 hingga 30.6.2008 | = | Kadar penuh kawasan A<br>RM 300.00 sebulan |
| (iii) | Mulai 1.7.2008 dan seterusnya   | = | Kadar penuh kawasan B<br>RM 200.00 sebulan |

Kes 2

Pegawai B bertugas di Seremban, Negeri Sembilan (kawasan B), diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) 16 Julai 2006 hingga 15.7.2009 bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains di UM, Kuala Lumpur. Pegawai diarah melapor diri di Pejabat Pelajaran Daerah Seremban pada 16.7.2008.

Kaedah pengiraan BSH adalah seperti berikut :-

- (i) Mulai 1.7.2006 hingga 31.7.2006 = Kadar penuh kawasan B  
RM100.00 sebulan
- (ii) Mulai 1.8.2006 hingga 30.6.2007 = Kadar separuh kawasan A  
RM150.00 sebulan x  $\frac{1}{2}$   
RM75.00 sebulan
- (iii) Mulai 1.7.2007 hingga 30.6.2008 = Kadar separuh kawasan A  
RM300.00 sebulan x  $\frac{1}{2}$   
RM150.00 sebulan
- (iv) Mulai 1.7.2008 dan seterusnya = Kadar penuh kawasan B  
RM200.00 sebulan

Kes 3

Pegawai C bertugas di Kuching, Sarawak dan dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Beliau diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) mulai 16.7.2006 hingga 15.7.2009 bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Kaunseling di UM, Kuala Lumpur. Pegawai diarah melapor diri di Pejabat Pelajaran Daerah Kuching pada 16.7.2009.

- (i) Pegawai dibayar BIW bagi 1.7.2006 hingga 15.7.2006 = secara *proportionate*
- (ii) Pegawai dibayar BSH bagi 16.7.2006 hingga 31.6.2007 = secara *proportionate* mengikut kawasan A kadar lama :  
RM150.00 sebulan
- (iii) Pegawai dibayar BSH bagi 1.7.2007 hingga 30.6.2009 = secara penuh mengikut kawasan A kadar baru :  
RM300.00 sebulan

- (iv) Pegawai dibayar BSH bagi 1.7.2009 = secara *proportionate*  
hingga 15.7.2009 mengikut kawasan A  
kadar baru :  
RM300.00 sebulan
- (v) Pegawai dibayar BIW bagi 16.7.2009 = secara *proportionate*  
hingga 31.7.2009

Bagi CBSG, pembayaran BSH seperti di (ii), (iii) dan (iv) di atas adalah kadar separuh.